17 Oktober 2024
*17 October 2024*
P.U. (A) 302

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

## PERATURAN-PERATURAN PENCETAKAN TEKS AL-QUR’AN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2024

## *PRINTING OF QUR’ANIC TEXTS (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL’S CHAMBERS*

AKTA PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN 1986

PERATURAN-PERATURAN PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 20A Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 [*Akta 326*], Menteri, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pengkompaunan Kesalahan) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 18 Oktober 2024.

**Kesalahan yang boleh dikompaun**

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompaun itu boleh dikompaun dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya dalam Borang 1 Jadual Kedua.

**Tatacara mengkompaun**

3. (1) Apabila menerima apa-apa maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompaun telah dilakukan, Pengerusi Lembaga atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengerusi Lembaga boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya yang disebut di bawah subperaturan 2(2), mengeluarkan suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah sah bagi tempoh tiga puluh hari bermula dari tarikh tawaran itu diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat atau apa-apa tempoh lanjutan yang boleh diberikan secara bertulis oleh Pengerusi Lembaga atau mana-mana

pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengerusi Lembaga, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh tiga puluh hari atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

**Penyetujuterimaan kompaun**

4. Seseorang yang menyetuju terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetuju terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua dan mengembalikan Borang 3 itu kepada Pengerusi Lembaga atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengerusi Lembaga.

**Pembayaran kompaun**

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membayar kompaun itu—

*(a)* melalui kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Pengerusi Lembaga atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengerusi Lembaga; atau

*(b)* melalui pemindahan wang secara elektronik.

(2) Pembayaran kompaun yang dibuat di bawah perenggan (1)*(a)* hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar prabayar kepada Pengerusi Lembaga atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengerusi Lembaga di alamat yang dinyatakan dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(3) Pengerusi Lembaga atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengerusi Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dibuat.

(4) Suatu resit rasmi yang dikeluarkan di bawah subperaturan (3) hendaklah termasuk apa-apa resit elektronik jika pembayaran dibuat melalui pemindahan wang secara elektronik sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (1)*(b)*.

**Pendakwaan boleh dimulakan jika tiada pembayaran dibuat**

6. Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 3(2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 2(1)]

**KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN**

Kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Akta Pencetakan Teks Al-Qur’an 1986 yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

*(a)* subseksyen 5(6);

*(b)* subseksyen 5(7);

*(c)* subseksyen 6(3);

*(d)* subseksyen 7(2);

*(e)* subseksyen 8(3);

*(f)* subseksyen 9(2);

*(g)* subseksyen 10(2);

*(h)* subseksyen 11(3); dan

*(i)* subseksyen 14(2).

JADUAL KEDUA

[Subperaturan 2(2) dan 3(1), dan peraturan 4]

BORANG 1

[Subperaturan 2(2)]

AKTA PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN 1986

PERATURAN-PERATURAN PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2024

**KEIZINAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 20A Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an [*Akta 326*] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya ................................................................................ (*nama*) dengan ini memberikan keizinan untuk mengkompaun ......................................................................................... (*nama orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat*) bagi kesalahan yang dilakukan di bawah .......................................................................................................... yang dikatakan telah dilakukan pada ................................ (*tarikh*) di ...................................................................... (*tempat*).

Bertarikh …………….. hari bulan …………… 20 …………..

.........................................................

*Pendakwa Raya/*
*Timbalan Pendakwa Raya*

BORANG 2

[Subperaturan 3(1)]

AKTA PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN 1986

PERATURAN-PERATURAN PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2024

**TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN**

Nombor rujukan: ............................................
Tarikh : ............................................

Kepada:

...........................................................................

...........................................................................

...........................................................................

...........................................................................

No. Laporan Polis: .......................................

*Tuan/Puan,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda …...................................................................... (*nyatakan nama *individu/syarikat/perniagaan/badan lain dan nombor pendaftaran, jika ada*) dan anda didapati telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 [*Akta 326*] dengan butir-butir seperti yang berikut:

*(a)* *peruntukan Akta yang berkaitan: ..........................................................................................

*(b)* tarikh : ..........................................................................................

*(c)* masa : ..........................................................................................

*(d)* tempat atau premis : ..........................................................................................

*(e)* **butir-butir kesalahan : ..........................................................................................

2. Menurut seksyen 20A Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun

bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM ..................................
(Ringgit Malaysia ........................................................................................................ (*dalam perkataan*) sahaja).

3. Sekiranya tawaran untuk mengkompaun ini disetuju terima, bayaran hendaklah dibuat melalui *kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/bank draf dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" atau bayaran melalui pemindahan wang secara elektronik yang kena dibayar kepada "Pengerusi Lembaga" atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengerusi Lembaga dan hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar prabayar ke alamat seperti yang berikut:

Pengerusi Lembaga/
mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengerusi Lembaga
..............................................................................
..............................................................................
..............................................................................
..............................................................................

4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun itu diterima.

5. Tawaran untuk mengkompaun ini sah bagi tempoh tiga puluh hari bermula dari tarikh tawaran ini diterima oleh anda.

6. Jika tiada bayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda ................................................................................................................ (*nyatakan nama syarikat/perniagaan/ badan lain*, dan nombor pendaftaran jika ada*) tanpa notis selanjutnya.

................................................................................
*Pengerusi Lembaga/*
*pegawai awam yang diberi kuasa*
*secara bertulis oleh Pengerusi Lembaga*

---

** Potong mana-mana yang tidak berkenaan*
*** Nyatakan butiran dan gunakan lampiran jika perlu*

BORANG 3

[Peraturan 4]

AKTA PENCETAKAN TEKS AL-QUR’AN 1986

PERATURAN-PERATURAN PENCETAKAN TEKS AL-QUR’AN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2024

**PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN**

Kepada:

................................................................................

................................................................................

................................................................................

................................................................................

*Tuan/Puan,

Saya merujuk kepada Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan ......................................... bertarikh .............................................. .

2. Saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bersama-sama ini pembayaran melalui *kiriman wang/kiriman pos/pesanan juruwang/ pesanan bank/draf bank no. .......………………………………….. dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada “Pengerusi Lembaga” atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengerusi Lembaga atau bukti pembayaran pemindahan wang secara elektronik sebanyak RM ……………………........…… (Ringgit Malaysia ....................................................................................... (*dalam perkataan*) sahaja) sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan itu.

Tandatangan : ..........................................................................................

**Nama (*dalam huruf besar*) : ..........................................................................................

*No. Kad Pengenalan/No. Pasport : ..........................................................................................

***Untuk dan bagi pihak (*jika berkenaan*) : ..........................................................................................

(*nama *syarikat/perniagaan/badan lain*)

***No. Pendaftaran/No. Lesen/No. Permit (*jika berkenaan*):

......................................................................................................................................................

Alamat:

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

Tarikh: ............................

---

** Potong mana-mana yang tidak berkenaan*
*** Nama orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat atau nama pengarah bagi pihak syarikat/perniagaan/badan lain*
**** Dalam hal jika tawaran untuk mengkompaun itu dibuat kepada syarikat/perniagaan/badan lain*

Dibuat 15 Oktober 2024
[KDN.PKK.S.600-1/1/2; PN(PU2)447/II]

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
*Menteri Dalam Negeri*

Diluluskan 11 Oktober 2024
[KDN.PKK.S.600-1/1/2; PN(PU2)447/II]

TAN SRI AHMAD TERRIRUDIN BIN MOHD SALLEH
*Pendakwa Raya Malaysia*

PRINTING OF QUR'ANIC TEXTS ACT 1986

PRINTING OF QUR'ANIC TEXTS
(COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by section 20A of the Printing of Qur'anic Texts Act 1986 [*Act 326*], the Minister, with the approval of the Public Prosecutor, makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Printing of Qur'anic Texts (Compounding of Offences) Regulations 2024**.

(2) These Regulations come into operation on 18 October 2024.

**Compoundable offences**

2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed as compoundable offences.

(2) The compoundable offences may be compounded with the written consent of the Public Prosecutor in Form 1 of the Second Schedule.

**Procedure for compounding**

3. (1) Upon receipt of any information or complaint that a compoundable offence has been committed, the Chairman of the Lembaga or any public officer authorized in writing by the Chairman of the Lembaga may, with the written consent of the Public Prosecutor referred to in subregulation 2(2), issue an offer to compound the offence in Form 2 of the Second Schedule.

(2) An offer to compound an offence shall be valid for a period of thirty days starting from the date the offer is received by the person to whom the offer is made or such extended period as the Chairman of the Lembaga or any public officer authorized in writing by the Chairman of the Lembaga may grant in writing, and if full payment of the sum offered is made on or before the expiry of thirty days

or such extended period granted, no further proceedings shall be taken against the person who committed such offence.

**Acceptance of compound**

4. A person who accepts an offer to compound a compoundable offence shall accept the offer in Form 3 of the Second Schedule and return the Form 3 to the Chairman of the Lembaga or any public officer authorized in writing by the Chairman of the Lembaga.

**Payment of compound**

5. (1) If an offer to compound an offence is accepted by the person to whom the offer is made, he shall pay the compound—

*(a)* by money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Chairman of the Lembaga or any public officer authorized in writing by the Chairman of the Lembaga; or

*(b)* through an electronic fund transfer.

(2) The payment of compound made under paragraph (1)*(a)* shall be delivered personally or sent by prepaid registered post to the Chairman of the Lembaga or any public officer authorized in writing by the Chairman of the Lembaga to the address specified in Form 2 of the Second Schedule.

(3) The Chairman of the Lembaga or any public officer authorized in writing by the Chairman of the Lembaga shall issue an official receipt for every payment received under subregulation (1) to the person to whom the offer to compound the offence is made.

(4) An official receipt issued under subregulation (3) shall include any electronic receipt if the payment is made through an electronic fund transfer as specified in paragraph (1)*(b)*.

**Prosecution may be instituted if no payment made**

6. If no payment of the compound offered is made within the period specified in subregulation 3(2), prosecution may be instituted without further notice.

FIRST SCHEDULE

[Subregulation 2(1)]

**COMPOUNDABLE OFFENCES**

The following offences under the Printing of Qur'anic Texts Act 1986 are prescribed as compoundable offences:

*(a)* subsection 5(6);

*(b)* subsection 5(7);

*(c)* subsection 6(3);

*(d)* subsection 7(2);

*(e)* subsection 8(3);

*(f)* subsection 9(2);

*(g)* subsection 10(2);

*(h)* subsection 11(3); and

*(i)* subsection 14(2).

SECOND SCHEDULE

[Subregulations 2(2) and 3(1), and regulation 4]

FORM 1

[Subregulation 2(2)]

PRINTING OF QUR'ANIC TEXTS ACT 1986

PRINTING OF QUR'ANIC TEXTS
(COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024

**CONSENT TO COMPOUND OFFENCES**

IN exercise of the powers conferred by section 20A of the Printing of Qur'anic Texts Act 1986 [*Act 326*] and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [*Act 593*], I .................................................................................................. (*name*) give consent to compound ................................................................................ (*name of the person to whom the compound offer is made*) for the offence committed under ........................................................................ which is said to have been committed on ................................ (*date*) at ........................................................................... (*place*).

Dated ………… of ……………………….. 20 …………

.........................................................
*Public Prosecutor/*
*Deputy Public Prosecutor*

FORM 2

[Subregulation 3(1)]

PRINTING OF QUR'ANIC TEXTS ACT 1986

PRINTING OF QUR'ANIC TEXTS
(COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024

**OFFER TO COMPOUND OFFENCES**

Reference number: ..............................................
Date : ..............................................

To:

..............................................................................
..............................................................................
..............................................................................
..............................................................................

Police Report No. : ......................................

*Sir/Madam,

An investigation has been conducted against you ……...........................................................................
(*state the name of *individual/company/business/other body and registration number, if any*) and you are found to have committed an offence under the Printing of Qur'anic Texts Act 1986 [*Act 326*] with the following particulars:

*(a)* *relevant provisions of the Act: ..........................................................................................
*(b)* date : ..........................................................................................
*(c)* time : ..........................................................................................
*(d)* place or premises : ..........................................................................................
*(e)* **particulars of offence : ..........................................................................................

2. Pursuant to section 20A of the Printing of Qur'anic Texts Act 1986, with the written consent of the Public Prosecutor, you are offered a compound for the offences stated above for the sum of RM .................................................... (Ringgit Malaysia ........................................................................................................... (*in words*) only).

3. If the offer to compound is accepted, payment shall be made by *money order/postal order/cashier's order/banker's order/bank draft crossed with the words "Account Payee Only" or through an electronic fund transfer made payable to the "Chairman of the Lembaga" or any public officer authorized in writing by the Chairman of the Lembaga and shall be delivered personally or sent by prepaid registered post to the following address:

Chairman of the Lembaga/
any public officer authorized in writing by the Chairman of the Lembaga

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

4. An official receipt shall be issued on receipt of the payment of the compound.

5. This offer to compound shall be valid for the period of thirty days starting from the date the offer is received by you.

6. If there is no payment received within the period referred to in paragraph 5, the prosecution for the offence may be instituted against you ................................................................................. (*state name of *the company/business/other body and registration number, if any*) without further notice.

..............................................................................
*Chairman of the Lembaga/*
*any public officer authorized in writing*
*by the Chairman of the Lembaga*

---

** Delete whichever is inapplicable.*

*** Insert citation of the relevant legislation*

FORM 3

[Regulation 4]

PRINTING OF QUR'ANIC TEXTS ACT 1986

PRINTING OF QUR'ANIC TEXTS
(COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024

**ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCES**

To:

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

*Sir/Madam,

I refer to the Offer to Compound Offence bearing the reference number ......................................... dated ............................................ .

2. I accept the offer to compound and enclose herewith is the payment by *money order/postal order/cashier's order/banker's order/bank draft no. ………………………................................... crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the "Chairman of the Lembaga" or any public officer authorized in writing by the Chairman of the Lembaga or proof of payment through electronic fund transfer for the sum of RM ……................................................……………… (Ringgit Malaysia ……………........................................………..……........… (*in words*) only) as full settlement of the sum stipulated in paragraph 2 of the Offer to Compound Offences.

Signature : .......................................................................................................

**Name (*in capital letter*) : .......................................................................................................

*Identification No./Passport No. : .......................................................................................................

***For and on behalf (*if applicable*) : .......................................................................................................

(*name of * company/business/other body*)

*** Company Registration No./Licence No./Permit No. (*if applicable*):

......................................................................................................................................................................

Address:

......................................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................................

Date: ..................................

---

** Delete whichever is inapplicable*
*** Name of the person to whom the offer to compound is made or name of the director on behalf of company/business/other body*
**** In the case where the offer to compound is made to company/business/other body*

Made 15 October 2024
[KDN.PKK.S.600-1/1/2; PN(PU2)447/II]

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
*Minister of Home Affairs*

Approved 11 October 2024
[KDN.PKK.S.600-1/1/2; PN(PU2)447/II]

TAN SRI AHMAD TERRIRUDIN BIN MOHD SALLEH
*Public Prosecutor of Malaysia*